

PENGASINGAN KUASA MENURUT PERSPEKTIF BARAT DAN ISLAM: AMALANNYA DI MALAYSIA

The Separation of Power Between Western and Islamic Perspective: The Application in Malaysia

**Bharuddin Che Pa¹
Farizah Zulkafli²**

ABSTRACT

The concept of separation of power is a doctrine which recommends separation of powers between the three branches of the government, namely, legislative power, administrative power and judicial power. This article will elaborate on the doctrine of separation of powers according to Western and Islamic perspective as a comparative analysis. This study uses a qualitative approach and comparative method in examining to what extent the application of the concept of separation of power in Malaysia is in line with the principle of Siyasaḥ al-Shar'īyah. According to the Islamic perspective, power in a country should be based on Islamic law (shari'ah) and the role of Ijtihad of Muslim scholars, while in the Western concept, those in power are free to act according to the decisions made by the

¹ Pensyarah Kanan dan Ketua Jabatan Siasah Syar'īyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, bharudin@um.edu.my.

² Pelajar Sarjana, di Jabatan Siasah Syar'īyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

existing authority of the country. Malaysia does not practise the absolute concept of separation of powers. Nevertheless, what is practised in Malaysia is the consolidation of power between the legislative and governing bodies, while the judicial branch of power performs independently. This practice does not violate Islamic law principles as long as the Islamic political principles are preserved. However, if there are irregularities by certain parties until there is no justice in society, then that system is not compatible with the Islamic concept..

Keywords: *power; separation of power; Islamic perspective, application in Malaysia.*

PENDAHULUAN

Pengasingan kuasa merupakan satu doktrin³ perlembagaan yang mengesyorkan pengasingan fungsi dan kuasa kerajaan supaya ianya dikuatkuasakan oleh beberapa orang atau institusi yang berlainan. Ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya ketidakadilan yang dijangka akan wujud jika kuasa itu dipegang oleh seorang individu. Pengasingan kuasa pada amnya berkisar pada fungsi berlainan yang dijalankan oleh badan atau institusi pemerintahan yang berlainan. Fungsi-fungsi ini dijalankan oleh badan-badan tertentu mengikut bidang kuasa masing-masing. Terdapat tiga badan atau institusi yang terlibat,

³ Istilah doktrin berasal dari perkataan bahasa Inggeris iaitu *doctrine* yang bermaksud pegangan dan ajaran. Ia bukan suatu agama, fahaman atau ilmu pengetahuan. Walaupun begitu, wujud percanggahan yang ketara tentang definisi tersebut kerana Kamus Ensiklopedia menyatakan doktrin adalah suatu agama, fahaman atau ilmu pengetahuan. Seterusnya menurut Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan, doktrin bererti teori, aliran, dogma dan asas. Manakala *Kamus Dewan* pula menjelaskan doktrin bermaksud prinsip atau kepercayaan yang dianggap benar dan satu-satunya yang dapat diterima. Lihat, Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, *Kamus Terjemahan Inggeris Melayu* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1996); Lihat juga Khairiah Salwa Mokhtar dan Mahmud Sabri Haron, *Istilah Pentadbiran Awam dan Politik* (Selangor: Prentice Hall, 2002), 36; Lihat juga Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dwibahasa* (cet. ke-13, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 393; Lihat juga, Hassan Hamzah, *Kamus Ensiklopedia* (Selangor: Anzagain Sdn. Bhd., 1997), vol. 1, 219; Lihat juga, Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1995), 443.

iaitu badan perundangan (*legislative power*), badan pentadbiran (*executive power*) dan badan kehakiman (*judiciary power*).⁴

Artikel ini akan menghuraikan tentang doktrin pengasingan kuasa menurut perspektif Islam dan barat. Ia juga bertujuan untuk mengkaji sejauhmana amalan pengasingan kuasa berlaku dalam sistem pemerintahan di Malaysia. Oleh kerana konsep pengasingan kuasa telah diperbincangkan secara meluas dalam sistem politik barat, maka penulis memulakan kajian ini dengan menjelaskan konsep tersebut menurut perspektif barat. Mengikut pandangan para sarjana politik barat, doktrin pengasingan kuasa yang diamalkan dalam sesebuah negara adalah bermatlamat untuk menegakkan keadilan dan mengelakkan berlakunya kezaliman. Jika tujuan utamanya sedemikian ia tidak bercanggah, bahkan selari dengan matlamat sistem politik Islam. Oleh itu doktrin pengasingan kuasa boleh diterima pakai selagi mana ianya bersesuaian dan tidak terdapat padanya amalan-amalan yang bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Artikel ini seterusnya akan menghuraikan sejauhmanakah amalan pemisahan kuasa ini berlaku dalam sistem politik di Malaysia. Di Malaysia peranan badan perundangan, badan pemerintahan dan badan kehakiman telah ditentukan melalui peruntukan undang-undang yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan.

Konsep Pengasingan Kuasa Menurut Perspektif Barat

Konsep pengasingan kuasa⁵ juga sudah menjadi suatu pegangan dan prinsip yang telah sebatu dalam masyarakat akibat pengalaman sejarah silam dan diaplikasikan dalam sesebuah pemerintahan. Sebab itu *Legal Dictionary*⁶ merumuskan, tiga badan utama dalam pemerintahan iaitu kuasa perundangan, kuasa pentadbiran dan kuasa kehakiman hendaklah diasingkan dari aspek bidang kuasa serta tidak dianggotai oleh individu yang sama. Menurut A.V Dicey⁷ kewujudan konsep ini dianggap dapat mengelakkan kuasa pentadbiran,

⁴ K. Ramanathan, *Konsep Asas Politik* (cet. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 237; Lihat juga Carlton Clymer Rodee, *Introduction to Political Science* (London: Mc Graw Hill, 1967), 58.

⁵ Pengasingan secara umumnya diertikan sebagai pembahagian, pengelasan, pemisahan, penceraihan dan penyingkiran. Dalam skop yang lebih kecil, ia hanya bermaksud pemisahan. Manakala kuasa pula adalah berupa hak, daulat, amanah, upaya, pengaruh dan kewibawaan.

⁶ Sinha dan Dheeraj, *Legal Dictionary* (Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1996), 189.

⁷ A.V Dicey, *An Introduction to the Study of the Law of the Constitution* (cet.10, London: Macmillan, 1959), 337.

perundangan dan mahkamah dari mencero bohi bidang kuasa antara satu sama lain. Pengasingan kuasa dianggap penting dalam pentadbiran negara kerana ia merupakan instrumen *check and balance* dalam sistem pemerintahan.

Menurut tokoh-tokoh perlembagaan barat, konsep dan teori pengasingan kuasa dalam konteks tamadun masyarakat moden hari ini mula dipelopori oleh Charles Louis Secondat de Montesquieu, iaitu seorang ahli falsafah politik Perancis yang terkenal. Beliau mengemukakan teori tersebut dalam bukunya *The Spirit of Laws* yang diterbitkan pada tahun 1784. Beliau menegaskan konsep tersebut adalah berpandukan kepada pemerhatian perkembangan dasar perlembagaan Britain dan Perancis ketika berlakunya perubahan daripada sistem pemerintahan monarki mutlak ke tahap pemerintahan kerajaan berparlimen.⁸

Mengikuti teori yang dikemukakan oleh Montesquieu, beliau menyatakan dalam sesebuah pemerintahan terdapat tiga sumber kuasa yang perlu diasingkan untuk mencapai kebebasan politik. Montesquieu berpendapat rahsia kebebasan orang-orang Inggeris terletak pada pengasingan kuasa dengan mengasingkan fungsi ketiga-tiga kuasa yang sememangnya menjadi cita-cita dan hasrat rakyat⁹ sepertimana yang dapat dipetik dalam bukunya, *The Spirit of Laws* sebagaimana berikut:

*“Kebebasan politik boleh diperolehi apabila tiadanya penyalahgunaan kuasa. Tetapi pengalaman lalu menunjukkan kepada kita bahawa setiap orang yang mempunyai kuasa berkemungkinan untuk menyalahgunakannya dan meneruskan tindakan tersebut selama yang boleh. Untuk menghalang daripada berlakunya salahguna kuasa, adalah bagi pihak yang berkuasa itu memeriksa di antara satu sama lain. Apabila kuasa legislatif dan eksekutif berada di tangan orang yang sama, tidak akan adanya kebebasan. Demikian juga tidak ada kebebasan sekiranya kuasa kehakiman tidak dipisahkan daripada legislatif dan eksekutif. Segalanya akan berakhir jika orang atau badan yang serupa sama ada bangsawan atau rakyat, melaksanakan ketiga-tiga kuasa tersebut”.*¹⁰

⁸ J.A Corry, *Democratic Government and Politics* (cet. 2, Toronto: University of Toronto Press, 1957), 59.

⁹ Kevin Tan Yew Lee, Yeo Tiong Min dan Lee Kiat Seng, *Constitutional Law in Malaysia and Singapore* (Singapore: MLJ Pte. Ltd., 1991), 15-16.

¹⁰ Baron De Montesquieu dan Charles de Secondat, *The Spirit of Laws* terj. Thomas Nugent, book XI, ch. I (cet. 2, New York: Colonial Press, 1949), vol. 1, 220.

Montesquieu menegaskan perlu ada pengasingan untuk mengelakkan kezaliman. Dalam hak kebebasan berpolitik, ia hanya didapati apabila tidak ada penyalahgunaan kuasa, tetapi pengalaman menunjukkan setiap orang yang mempunyai kuasa berkemungkinan besar menyalahgunakannya dan akan menggunakan kuasanya sejauhmana yang boleh. Penyalahgunaan kuasa akan membawa kezaliman. Konsep pengasingan kuasa cuba menyekat kezaliman tersebut dari berlaku dengan memberi kebebasan kepada badan-badan yang ada supaya tidak dipengaruhi oleh badan lain, serentak dengan itu sesuatu badan boleh bertindak menghalang kezaliman yang dilakukan oleh badan yang lain.¹¹ Sebarang pemusatan kuasa dianggap sebagai pemerintahan diktator. Konsep pengasingan kuasa yang diperkenalkan cuba menghapuskan pemusatan kuasa berdasarkan lembaran sejarah seperti yang berlaku pada zaman pemerintahan Raja Louis XIV di Perancis. Penekanan terhadap perlunya pengasingan kuasa antara badan-badan yang terlibat dianggap sebagai jalan penyelesaian yang terbaik.

Sejarah Konsep Pengasingan Kuasa Menurut Perspektif Barat

Konsep pengasingan kuasa telah lama dikenali oleh masyarakat Greek kuno. Tetapi pengasingan kuasa yang dikenali tidaklah sesempurna yang dikenali kini. Seiring dengan peredaran masa dan zaman, pengasingan kuasa ini mengalami perubahan dan penyesuaian tertentu. Kewujudan konsep pengasingan kuasa lebih dikenali berasal dari Eropah yang bermula pada penghujung kurun kelapan belas akibat dari penindasan dan kezaliman yang berterusan oleh pemerintah pada waktu itu. Tokoh yang sinonim dan sering dikaitkan dengan kemunculan konsep ini ialah Montesquieu.¹² Walaupun begitu, idea ini sebenarnya pernah diwujudkan oleh beberapa orang tokoh politik terdahulu sebelum itu. Antaranya ialah Plato (428 S.M-348 S.M), Aristotle (384 S.M-322 S.M) dan John Locke (1632-1704 M).

Plato (428 S.M-348 S.M) adalah orang terawal yang mengemukakan idea tentang pengasingan kuasa dalam negara. Namun pengasingan yang dimaksudkan lebih menjurus kepada erti kata pembahagian kuasa kerana beliau mengesyorkan beberapa pembahagian fungsi kerajaan kepada beberapa badan yang mempunyai peranan tertentu. Badan-badan tersebut termasuklah badan yang bertanggungjawab menggubal dan membentuk undang-undang negara, badan yang melaksanakan undang-undang tersebut, badan yang mengadili

¹¹ Baron De Montesquieu dan Charles de Secondat, *The Spirit of Laws*, 220.

¹² Zāfir al-Qāsimī, *Nizām al-Hukm fī al-Sharī'at wa al-Tārikh al-Islāmī* (cet. 4, Beirut: Dār al-Nafā'is, 1992), i, 402.

kesalahan dalam negara di samping badan-badan lain yang bertanggungjawab memelihara keamanan negara dan badan yang menguruskan pelbagai hal ehwal negara seperti pendidikan.¹³

Menurut Plato, perkara terpenting dalam politik adalah untuk mencegah golongan elit daripada melakukan penyalahgunaan kuasa.¹⁴ Keadaan ini menyebabkan beliau merumuskan idea tentang Perlembagaan Campuran (*mixed constitution*) yang seterusnya mempengaruhi pandangan tokoh pemikir selepas beliau seperti Montesquieu.

Seterusnya idea pembahagian kuasa ini dirintis oleh seorang tokoh politik terkenal, Aristotle (384 S.M-322 S.M) dalam bukunya '*Politics*'¹⁵ yang membahagikan kuasa kepada tiga badan utama sahaja iaitu perundangan (*deliberation*), pemerintahan atau pelaksanaan (*commandement*) dan kehakiman (*justice*).¹⁶ Beliau berpendapat adalah lebih baik tidak memusatkan kuasa kepada satu badan tertentu di samping menitikberatkan kerjasama di antara satu badan dengan satu badan yang lain. Aristotle amat menekankan perbezaan dan pengasingan di antara badan eksekutif dan badan kehakiman.¹⁷

Pendapat Aristotle telah diperkembangkan lagi oleh pemikir-pemikir politik pada pemerintahan Rom zaman silam seperti Polybius (200S.M-118 S.M) dan Cicero (106-43 S.M). Kedua-dua pemikir tersebut di samping menyokong idea Aristotle juga telah mencadangkan perlunya mekanisme-mekanisme tertentu bagi mengawal dan mengimbangi kuasa di antara satu dengan yang lain. Kebetulan pula Perlembagaan Kerajaan Republik Rom telah memperkenalkan beberapa mekanisme bagi mengawal agar tiada badan yang memonopoli kuasa pemerintah. Polybius telah menyatakan perlunya pemerintahan memberi perwakilan kepada semua kelas rakyat. Di samping itu, Polybius menekankan tentang perlunya diperkenalkan sistem pengawalan dan keseimbangan kuasa supaya tidak ada kumpulan tertentu yang dapat membolot kuasa pemerintahan. Sekiranya pengawalan kuasa pemerintahan

¹³ Muḥammad Kāmil Laylah, *al-Nuḏūm al-Siyāsiyah* (Beirut: Dār al-Nahdhah, 1969), 849.

¹⁴ Kuper, Adam dan Jessica, *Ensiklopedi Ilmu-Ilmu Sosial*, ed. ke-2 (Jakarta: PT Raja Grafindo Persada 2000), 766-767.

¹⁵ Wirjono Prodjodikoro S. H, *Asas-Asas Ilmu Negara dan Politik* (Jakarta: P.T Eresco, 1971), 65.

¹⁶ 'Uthmān Khalīl 'Uthmān, *al-Qanūn al-Dustūrī* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1951), 169.

¹⁷ Sibley, Mulford Quickert, *Political Ideas and Ideologies: A History of Political Thought* (New York: Harper and Row, 1970), 66.

tidak berlaku, maka bagaimana baik sekalipun sesebuah kerajaan, ia pasti akan mengalami kemunduran.

Namun demikian selepas era pemikiran golongan Rom klasik, teori pemisahan kuasa serta corak pengawalan dan keseimbangan tidak dimajukan atau menjadi tidak popular. Ini mungkin kerana pemikir-pemikir zaman susulan ini lebih meyakini sistem pemerintahan beraja yang mengutamakan pemusatan kuasa. Bagaimanapun pada abad keempat belas, Marsilius Padua (1270-1343) telah mengemukakan pendapat yang agak kontroversi pada masa itu. Walaupun Marsilius tidak menolak badan eksekutif sebagai sebuah komponen pemerintahan yang penting, beliau menegaskan badan perundangan merupakan institusi yang paling penting untuk kemajuan dalam pemerintahan. Beliau menegaskan badan perundangan sebenarnya adalah badan pembuat undang-undang. Oleh yang demikian, ia mewakili kepentingan semua golongan rakyat. Di samping itu beliau menegaskan juga dewan perwakilan rakyat ini merupakan sumber segala kuasa politik. Tambahan pula, Marsilius menegaskan raja atau pemerintah negara hanya merupakan alat yang mewakili kepentingan rakyat yang ditugaskan memerintah bagi pihak rakyat jelata. Namun demikian, sumbangan Marsilius pada ketika itu kurang mendapat sambutan golongan rakyat dan golongan yang berpengaruh.

Manakala pada abad keenam belas, Jean Bodin (1530-1596) ketika membincangkan teori kedaulatan menyatakan sistem pemerintahan beraja merupakan salah satu sistem yang baik. Walaupun demikian, Bodin telah menegaskan tugas kehakiman perlu diasingkan daripada kuasa raja. Ini adalah perlu bagi memastikan agar ia sentiasa bertindak adil kepada semua lapisan rakyat. Bodin juga mengakui seorang raja perlu mendapat nasihat daripada penasihat-penasihatnya yang terdiri daripada menteri dan wakil rakyat. Tambahan pula Bodin mencadangkan supaya peranan rakyat dan institusi yang mewakili kepentingan mereka harus diambil kira dalam proses pemerintahan negara.

John Locke (1632-1704 M) adalah seorang ahli falsafah Inggeris dan tokoh pemikir politik yang turut menampilkan idea pembahagian kuasa dalam bukunya '*Two Treaties on Civil Government*' (1690).¹⁸ Beliau membahagikan kuasa kepada tiga bahagian iaitu kuasa perundangan (*legislative*), kuasa pemerintahan (*executive*) dan kuasa persekutuan (*federative*) yang masing-masing terpisah di antara satu sama lain.¹⁹ Berbanding dengan pembahagian yang dikemukakan oleh Aristotle, John Locke tidak menyatakan secara khusus

¹⁸ Miriam Budiardjo, *Dasar-Dasar Ilmu Politik* (Jakarta: P.T Gramedia, 1985), 151.

¹⁹ Abdul Qadir Djaelani, *Sekitar Pemikiran Politik Islam* (Jakarta: Media Da'wah, 1994), 114.

tentang kuasa kehakiman (*judiciary*) kerana beliau merumuskan kuasa tersebut ke dalam kuasa pemerintahan (*executive*).²⁰ Badan legislatif yang mempunyai kuasa dan autoriti yang tertinggi tidak boleh menjalankan kuasa dengan sewenangnyanya tetapi perlu mewujudkan keadilan dengan tidak mengeneipkan undang-undang dan kuasa hakim. Menurut Sibley,²¹ kuasa perundangan dan kuasa pemerintahan sepatutnya tidak dipegang oleh pihak yang sama kerana ia akan mewujudkan pengaruh yang besar di antara kedua-dua kuasa tersebut.

Di samping John Locke, James Harrington (1611-1677) turut membincangkan tentang perlunya kuasa Raja England dihadkan.²² Mereka mencadangkan supaya kuasa eksekutif dan kuasa perundangan diasingkan. Di samping itu, kedua-dua mereka telah menyatakan tugas menggubal undang-undang perlu dipegang oleh badan perundangan yang memiliki kuasanya sendiri. Nyata sekali tulisan-tulisan mereka ini menandakan detik permulaan cabaran terhadap kuasa mutlak raja.

Jelaslah bahawa Montesquieu (1689-1755M) bukanlah orang pertama yang mendokong prinsip pengasingan kuasa ini kerana idea tersebut ternyata telah wujud sebelum ini. Namun tidak dinafikan beliau merupakan orang yang menjadikan idea tersebut amat penting dalam sesebuah pemerintahan negara sehinggakan beliau lebih dikenali sebagai pelopor utama konsep ini. Dengan erti kata lain, walaupun konsep ini sudah lama diperkenalkan sebelum itu, Montesquieu boleh dianggap sebagai seorang tokoh politik yang menjelaskan dan mengemukakannya dalam bentuk yang sistematik berserta hujah-hujah.²³

Seterusnya tokoh yang turut menyokong idea pembahagian kuasa ini ialah Jean Jacques Rousseau (1712-1778M). Beliau merupakan seorang ahli falsafah yang amat menitikberatkan pengasingan di antara dua kuasa utama iaitu kuasa perundangan dan kuasa eksekutif. Ini kerana beliau berpendapat kedua-dua kuasa itu mempunyai peranan yang berbeza dan tersendiri. Namun demikian beliau berpendapat kuasa kehakiman tidak mempunyai fungsi tertentu kerana perlu tunduk pada arahan kuasa eksekutif yang telah digariskan bidangkuasanya oleh kuasa perundangan. Oleh itu, Rousseau berpendapat kuasa perundangan adalah kuasa yang tertinggi dan berdaulat.

Beliau berpendapat kuasa kehakiman termasuk ke dalam kategori kuasa eksekutif dan tidak wujud pengasingan di antara kedua-dua kuasa ini. Bahkan

²⁰ Sibley, *Political Ideas and Ideologies: A History of Political Thought*, 379.

²¹ Sibley, *Political Ideas and Ideologies: A History of Political Thought*, 380.

²² Sibley, *Political Ideas and Ideologies: A History of Political Thought*, 380.

²³ Muhamad Kamlin, *Pengantar Pemikiran Politik Barat* (Selangor: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986), 183.

yang amat ditekankan ialah pengasingan di antara kuasa perundangan dan kuasa eksekutif sahaja.²⁴ Badan perundangan dianggap mempunyai kedaulatan kerana ahlinya dipilih dan diundi oleh rakyat.²⁵ Menurut Rousseau, kuasa perundangan disifatkan sebagai ‘hamba’ dan bukannya sebagai ‘tuan’ kepada orang awam kerana badan ini dilantik oleh rakyat.²⁶ Pandangan beliau ini didapati berbeza dengan teori yang diketengahkan oleh Montesquieu yang amat menitikberatkan pengasingan kuasa di antara kuasa kehakiman, kuasa perundangan dan eksekutif.

Konsep Pengasingan Kuasa Menurut Perspektif Islam

Walaupun konsep pengasingan kuasa diperkenalkan oleh para pemikir politik barat, tidak semua idea dan pemikiran tersebut bertentangan dengan konsep Islam. Pengamalan konsep pengasingan kuasa dalam sesebuah negara tidak menjadi kesalahan di sisi Islam kerana ia merupakan persoalan politik yang boleh difikirkan sendiri oleh umatnya. Sekiranya diteliti dalam perkembangan sejarah pemerintahan Islam, pembahagian ini telahpun ada, cuma ianya tidak diklasifikasikan secara terperinci pada masa itu.²⁷

Dalam sistem politik Islam perbahasan tentang tiga kuasa dalam pemerintahan lebih dikenali dengan istilah *al-Sulṭah al-Tasyrī‘iyyah* (kuasa perundangan), *al-Sulṭah al-Tanfīdhiyyah* (kuasa pemerintahan) dan *al-Sulṭah al-Qaḍā‘iyyah* (kuasa kehakiman).²⁸ Di antara sarjana Islam yang membincangkan konsep pengasingan kuasa ialah seperti Sulaymān al-Ṭamāwī,²⁹ Maḥmūd al-Ḥilmī,³⁰

²⁴ Uthman Khalil Uthman, *Al-Qanūn al-Dustūrī*, 274.

²⁵ J.J.R, *Darihal Perjanjian Sosial* (terj. Puteri Rashidah Megat Ramli; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 77.

²⁶ Muhamad Kamlin, *Pengantar Pemikiran Politik Barat*, 201.

²⁷ Sulaymān Muḥammad al-Ṭamāwī, *al-Sulṭah al-Thalāthah Fī al-Dasātīr al-‘Arabīyyah al-Mu‘āṣirah Wa Fī al-Fikr al-Siyāsī al-Islāmī*, *Dirāsah Muqāranah* (cet. 5, Kaherah: Maṭba‘at al-Jāmi‘ah ‘Ayn Syams, 1986), 375.

²⁸ Z.A Ahmad, *Membentuk Negara Islam* (Djakarta: Widjaya, 1956), 264.

²⁹ Sulaymān Muḥammad al-Ṭamāwī membincangkan konsep pengasingan kuasa secara terperinci dalam buku penulisan beliau. Lihat Sulaymān Muḥammad al-Ṭamāwī, *al-Sulṭah al-Thalāthah Fī al-Dasātīr al-‘Arabīyyah al-Mu‘āṣirah Wa Fī al-Fikr al-Siyāsī al-Islāmī*, *Dirāsah Muqāranah*, 375.

³⁰ Beliau mengulas konsep pengasingan kuasa dalam bukunya. Lihat, Maḥmūd Ḥilmī, *Nizām al-Ḥukm al-Islāmī*, *Muqāranah bi al-Nuẓum al-Mu‘āṣirah*, ed. ke-2 (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1973), 2.

Zāfir al-Qāsimī,³¹ ‘Abd al-Ḥamīd al-Mutawallī,³² dan lain-lain. Walaupun pelbagai takrifan diberi namun kebanyakan sarjana tersebut sependapat dalam menghuraikan pengasingan kekuasaan ini kepada tiga aspek sahaja iaitu *al-Sulṭah al-Tasyrī’iyyāh*, *al-Sulṭah al-Tanfīdhīyyāh* dan *al-Sulṭah al-Qaḍā’iyyah*.

Secara umumnya para sarjana politik Islam juga telah menjelaskan ketiga-tiga bidang kuasa di atas menurut perspektif Islam. Peranan kuasa-kuasa tersebut mengikut pandangan Islam tentunya amat berbeza dengan konsep barat. Islam berpendapat kuasa-kuasa tersebut hendaklah bertindak berlandaskan hukum syarak dan ijtihad para ulama, sedangkan mengikut konsep barat kuasa-kuasa tersebut hendaklah bertindak mengikut ketetapan yang dibuat oleh kerajaan yang memerintah, berdasarkan ideologi mereka.³³ Walaupun istilah pengasingan kuasa tidak disebut dengan tepat dalam nas-nas al-Quran dan sunnah, ianya tidaklah sampai menafikan realiti wujudnya suatu prinsip dan nilai tertentu berkenaan soal ini dalam politik Islam.

Para sarjana Islam telah meninggalkan teori-teori politik Islam yang dapat dijadikan asas dan kerangka pada masa kini untuk membina peradaban sistem pemerintahan termasuk dalam struktur pentadbiran negara Islam. Mereka berpendapat dalam sesebuah negara Islam, tiga cabang pentadbiran iaitu badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman turut ditubuhkan untuk menjalankan pentadbiran negara. Dalam menjalankan kekuasaan tersebut, badan-badan ini tidak terkecuali untuk mewujudkan hubungan dan saling bekerjasama dalam menguruskan pemerintahan. Namun kewujudan hubungan di antara ketiga-tiga badan ini pastinya mempunyai batasan-batasan tertentu dan sejauh manakah batasan tersebut boleh dilakukan, perlu dinilai dan dihalusi secara bijaksana menurut pandangan teori politik Islam. Perbincangan tentang konsep badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman menurut perspektif Islam adalah seperti berikut:

³¹ Beliau juga mengulas tentang pengasingan kuasa melalui bukunya. Lihat Zāfir Al-Qāsimī, *Niẓām al-Ḥukm Fī al-Syarī’ah Wa al-Tārīkh* (Beirūt: Dār al-Nafā’is, 1974).

³² Al-Mutawallī juga mengulas beberapa perkara berkaitan pengasingan kuasa dalam buku beliau. Lihat ‘Abd al-Ḥamīd Mutawallī, *Mabādi’ Niẓām al-Ḥukm Fī al-Islām*, ed. ke-3 (Iskandariyyah: Mansya’ah al-Ma’ārif, 1975).

³³ Konsep barat dilahirkan oleh akal manusia, sebaliknya konsep Islam adalah diambil dari nas atau ijtihad yang dilakukan oleh para ulama berdasarkan hukum Islam.

a. Badan Perundangan Islam

Muḥammad Salām Madkūr berpendapat badan perundangan Islam ialah kumpulan tertentu yang dipilih dari kalangan *ummah* yang kemudian diserahkan kepada mereka tugas menggubal undang-undang.³⁴ Dr. ‘Abd Qādir Muṣṭafā pula mentakrifkan badan perundangan Islam itu sebagai badan yang bertugas menyampaikan hukum-hakam dan mentafsirkan nas Syarak. Beliau juga menjelaskan badan tersebut mestilah melaksanakan tugas yang sepatutnya dilaksanakannya iaitu berusaha menggubal undang-undang.³⁵

Mengikut pandangan Syeikh ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, badan perundangan Islam diberikan kuasa untuk berusaha memahami nas-nas asas yang datang dari Allah, seterusnya melaksanakannya. Mereka juga diberi kuasa untuk menggubal undang-undang³⁶ terhadap perkara-perkara semasa yang baru berlaku. Dalam usaha menggubal undang-undang itu badan perundangan hendaklah mengambil kira soal kemaslahatan dan keperluan yang akan dihasilkan dari pelaksanaan undang-undang tersebut.³⁷ Sulaymān al-Ṭamāwī pula berpendapat, badan perundangan Islam sentiasa terikat dengan ketetapan nas al-Quran dan sunnah. Peranannya yang lain ialah memperluaskan hukum berlandaskan hukum-hakam yang terdapat di dalam nas tersebut.³⁸ Muṣṭafā Abū Zayd Fahmī pula berpendapat badan perundangan ialah badan yang mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang. Maksud menggubal undang-undang ialah menyusun kaedah undang-undang yang sesuai dan tersusun dalam pelbagai aspek hidup bermasyarakat, iaitu mencakupi bidang politik, ekonomi dan kemasyarakatan.³⁹

³⁴ Muḥammad Salām Madkūr, *Ma‘ālim al-Dawlah al-Islāmiyyah* (Kuwait: Maktabah al-Falāḥ, 1983), 307.

³⁵ ‘Abd al-Ghānī Basyūnī ‘Abd Allāh, *Naẓariyyah al-Dawlah Fī al-Islām* (Beirut: Dār al-Jāmi‘ah 1986), 199.

³⁶ Maksud undang-undang di sini termasuklah hukum hakam yang ada hubungannya dengan orang-orang *mukallaḥ* serta segala perbuatan yang mereka lakukan.

³⁷ ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *Al-Siyāsah al-Syar‘iyyah Aw Niẓām al-Dawlah al-Islāmiyyah fī al-Syu‘ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijiyyah wa al-Māliyyah* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1984), 42.

³⁸ Sulaymān Muḥammad al-Ṭamāwī, *al-Sulṭah al-Thalāthah fī al-Dasātīr al-‘Arabiyyah al-Mu‘āṣirah Wa Fī al-Fikr al-Siyāsī al-Islāmī, Dirāsah Muqāranah*, 243.

³⁹ Muṣṭafā Abū Zayd Fahmī, *al-Naẓariyyah al-‘Āmmah Li al-Dawlah, fī al-Dimuqrāṭiyyah al-Gharbiyyah, Wa al-Dimuqrāṭiyyah al-Markisiyyah Wa al-Islām* (Kaherah: Mansya‘at al-Ma‘ārif, 1985), 210-211.

Profesor Dr. T.M. Hasbi Shiddieqy menamakan badan perundangan sebagai “*al-Hay‘ah al-Tasyrī‘iyyah*”. Beliau menegaskan bahawa orang Islam dituntut supaya menubuhkan “*al-Hay‘ah al-Tasyrī‘iyyah*” dalam sesebuah negara.⁴⁰ Sebabnya adalah dalam kehidupan kita sekarang terlalu banyak perkara baru yang perlu diselesaikan berpandukan undang-undang yang digubal berasaskan hukum Islam.

Berdasarkan beberapa definisi yang dikemukakan oleh para sarjana Islam di atas, dapatlah difahami bahawa badan perundangan mengikut perspektif Islam adalah merupakan sebuah badan yang dipertanggungjawabkan untuk menggubal undang-undang berpandukan nas al-Quran dan sunnah bukannya berdasarkan akal fikiran semata-mata.⁴¹ Ini bermaksud jika sesuatu peraturan itu merupakan hukum *qaṭ‘ī* yang datang dari al-Quran atau sunnah maka hukum tersebut wajib diisytiharkan oleh badan perundangan Islam sebagai undang-undang. Pada masa ini status hukum tersebut yang sah menjadi undang-undang tidak boleh dipertikaikan lagi oleh sesiapa. Sebagai contoh al-Quran secara *qaṭ‘ī* menegaskan hukuman sebat seratus kali wajib dikenakan ke atas pezina (yang bukan *muḥsān*) dalam firmanNya:

الزانية والزاني فاجلدوا كل واحد منهما مائة جلدة

“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat”.⁴²

Ayat di atas menjelaskan dengan tepat ketentuan hukum had ke atas pezina, iaitu seratus kali sebat, tidak boleh lebih atau kurang. Dengan itu wajib ke atas badan perundangan kerajaan Islam mengisytiharkan ketetapan tersebut sebagai undang-undang yang sah. Inilah apa yang dimaksudkan oleh para sarjana Islam di atas bahawa badan perundangan Islam hendaklah berusaha memahami nas-nas asas yang datang dari Allah, seterusnya melaksanakannya. Begitulah apa yang sepatutnya dilakukan oleh badan perundangan untuk mendaulatkan hukum Allah. Kesimpulannya tidak harus dan tidak sah bagi badan perundangan untuk menggubal undang-undang yang jelas bertentangan dengan nas yang *qaṭ‘ī*.

⁴⁰ T.M Hasbi Shiddieqy, *Pengantar Hukum Islam* (cet. 5, Jakarta: Bulan Bintang, 1975), vol. 2, 284.

⁴¹ Abdul Monir Yaacob, *Sejarah Perundangan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988), 99.

⁴² Surah al-Nur 24: 2.

Persoalan yang seterusnya ialah bagaimana pula kaedah yang sepatutnya digunakan badan Perundangan Islam untuk menggubal undang-undang yang tidak dijelaskan secara terperinci oleh al-Quran dan sunnah. Secara dasarnya bagi menyelesaikan persoalan yang tidak terdapat secara jelas di dalam nas al-Quran dan sunnah, badan perundangan bolehlah merujuk kepada keputusan ijmak dan qiyas semasa penggubalan undang-undang. Selain dari al-Quran, sunnah, ijmak dan qiyas sebagai sumber utama. Terdapat lagi beberapa kaedah ijthad yang boleh membantu badan perundangan menggubal undang-undang seperti kaedah *Maṣāliḥ al-Mursalah*, *al-Istiḥsān*, *al-Istiḥāb*, *Sadd al-Dharā'i*, *al-Urf*, dan sebagainya. Itulah apa yang dimaksudkan oleh syeikh 'Abd al-Wahhāb Khallāf:

*“Dalam usaha menggubal undang-undang itu badan perundangan hendaklah mengambil kira soal kemaslahatan dan keperluan yang akan dihasilkan dari pelaksanaan undang-undang tersebut”.*⁴³

Penggunaan kaedah-kaedah yang dibenarkan oleh *siyāsah shar'iyah* sebagai metod ijthad dalam penggubalan undang-undang patut digunakan, terutamanya sewaktu pihak kerajaan Islam berhadapan dengan isu-isu kontemporari yang memerlukan penyelesaian segera. Contohnya kaedah *Maṣāliḥ al-Mursalah* dan *Sadd al-Dharā'i* patut sekali digunakan semasa penggubalan undang-undang agar undang-undang yang digubal terjamin boleh mendatangkan *maṣlahah* kepada umat Islam sejagat serta selaras dengan semangat perundangan Islam yang sejati. Amalan tersebut sesuai dengan matlamat utama pelaksanaan konsep *siyāsah shar'iyah* dalam penggubalan undang-undang.

Dalam konteks sejarah, badan perundangan tidak wujud secara jelas ketika hayat Nabi kerana masalah perundangan ketika itu dirujuk terus kepada al-Quran dan sunnah. Para Sahabat kurang memainkan peranan dalam menggubal atau mentafsir undang-undang. Dengan kata lain, Nabi yang menentukan hukum⁴⁴ yang seterusnya dianggap sebagai undang-undang. Setelah kewafatan Nabi, di samping merujuk kepada al-Quran dan sunnah, para Sahabat berpegang kepada *ijtihād jamā'i* (ijmak) dan *ijtihād fardī* (Ijthad Perseorangan) untuk memutuskan hukum-hukum baru ekoran dari perluasan daerah Negara Islam dan berkembangnya sistem politik, ekonomi dan masyarakat Islam.

⁴³ 'Abd al-Wahhāb Khallāf, *Al-Siyāsah al-Syar'iyah Aw Nizām al-Dawlah al-Islāmiyyah fī al-Syu'ūn al-Dustūriyyah Wa al-Khārijīyyah Wa al-Māliyyah*, (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1984) 42.

⁴⁴ Muḥammad Farūq al-Nabhān, *Nizām al-Ḥukm fī al-Islām* (cet. 2, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1988), 377.

Jika diteliti badan perundangan sepertimana yang diamalkan pada hari ini sebenarnya sudah wujud di zaman silam. Badan Perundangan Islam khususnya yang ada pada masa itu berbeza dengan badan perundangan yang diperkenalkan oleh barat kerana badan perundangan barat berkuasa sepenuhnya untuk menentukan undang-undang tanpa terikat dengan sebarang sumber. Manakala badan perundangan Islam lebih cenderung kepada pengamalan konsep ijtihad yang terikat dengan hukum syariat sepenuhnya. Dalam istilah *fiqh*, badan perundangan dikenali sebagai *ahl al-Hall Wa al-'Aqd*. Badan ini bertanggungjawab merangka undang-undang berdasarkan al-Quran dan sunnah. Badan Perundangan juga bertindak sebagai penasihat kepada Ketua Negara dalam hal-hal yang berkaitan sesuatu dasar atau merumuskan satu fatwa dalam masalah undang-undang atau pentadbiran.⁴⁵

Pembentukan badan perundangan Islam juga dapat menolak teori penubuhan badan perundangan yang berasaskan fahaman sekular Barat yang bercanggah dengan dasar-dasar Islam.⁴⁶ Tidak harus bagi umat Islam dalam sesebuah Negara memilih sistem politik yang jelas bercanggah dengan dasar-dasar Islam sepertimana firman Allah:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ
مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

“Dan tidaklah harus bagi orang-orang Yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka Sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.”

(Surah al-Ahzab, 33: 36)

Ayat di atas menegaskan bahawa orang yang beriman tidak boleh memilih sesuatu kaedah yang menjadi landasan hidup mereka jika kaedah yang dipilih itu jelas terdapat percanggahan dengan apa-apa yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

⁴⁵ Mohamed Azam Mohamed Adil, *Perundangan dan Kenegaraan Islam* (Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd, 2006), 110.

⁴⁶ Bharudin Che Pa, *Badan Perundangan Kerajaan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005), 17.

Badan Eksekutif Islam

Secara amnya, badan eksekutif ialah badan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan undang-undang dan memberi perkhidmatan kepada rakyat. Menurut al-Mawdūdī,⁴⁷ peranan badan ini adalah untuk menguatkuasakan arahan-arahan Allah SWT yang diturunkan melalui al-Quran dan sunnah dan segala polisi kerajaan yang diluluskan oleh Majlis Syūra atau badan perundangan dan dijemlakan ke dalam sebuah masyarakat yang sudah bersedia untuk menerimanya dan mengamalkan arahan-arahan ini dalam penggunaan praktikal dalam kehidupan seharian. Ini termasuklah menerusi kementerian, jabatan, organisasi kerajaan yang lain di dalam usaha mewujudkan satu suasana untuk tujuan menegakkan hukum Islam. Hal inilah yang membezakan kedudukan badan eksekutif dalam negara Islam berbanding badan eksekutif dalam negara bukan Islam.

Tujuan utama badan eksekutif dalam sesebuah negara Islam ialah untuk menguatkuasakan perintah Allah yang disampaikan melalui al-Quran dan sunnah. Ia bertujuan membawa masyarakat untuk menerima semula perintah-perintah ini bagi dilaksanakan secara praktikal dalam kehidupan harian mereka. Istilah-istilah *Ulu al-Amr* dan *Umarā'* saling digunakan bagi menunjukkan konsep eksekutif ini wujud dalam sistem pentadbiran Islam. Istilah-istilah ini disebut beberapa kali dalam al-Quran dan sunnah yang membawa kepada pengertian sistem eksekutif dalam pentadbiran. Misalnya ayat al-Quran menjelaskannya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

“Wahai orang-orang Yang beriman, Taatlah kamu kepada Allah dan Taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada “Ulil-Amri” (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) Dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

(Surah al-Nisa', 4: 59)

⁴⁷ Bharudin Che Pa, *Badan Perundangan Kerajaan Islam di Malaysia*, 17.

Berdasarkan ayat di atas, jelas bentuk sistem eksekutif dan batasan fungsinya serta kuasa-kuasa pentadbiran dalam sesebuah negara Islam yang sepatutnya dilaksanakan oleh setiap negara Islam pada masa kini. Kuasa badan eksekutif hendaklah diketuai oleh Ketua Negara, dan beliau dibantu oleh Jemaah Menteri serta para menteri yang dilantik. Mereka dibantu pula oleh ketua-ketua tentera, pegawai-pegawai keamanan, pegawai-pegawai percukaian dan kakitangan pemerintahan yang lain. Ketua Negara atau khalifah selaku ketua eksekutif memainkan peranan penting kerana beliau yang akan menerajui pentadbiran sesebuah Negara. Istilah khalifah ada dimuatkan dalam al-Quran adalah seperti firman Allah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; “*Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi*”. mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu Dengan berkata): “*Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal Kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?*”. Tuhan berfirman: “*Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya*”.

(Surah al-Baqarah, 2: 30)

Para sarjana politik Islam turut menghuraikan istilah khalifah. Al-Mawardi⁴⁸ menyatakan khalifah itu adalah pengganti Nabi yang bertanggungjawab memelihara agama dan mentadbir urusan dunia. ‘Abd al-Qādir ‘Awdah berpendapat khalifah itu pemimpin umum mengenai urusan agama dan dunia, sebagai pengganti kedudukan Nabi Muḥammad SAW. Muhammad Rasyid Ridha menerangkan perkataan *khalīfah*, *imāmah* dan *imārah* dari kaum Muslimin itu adalah tiga istilah yang memberi pengertian yang sama iaitu pemerintah negara Islam yang menjaga kepentingan keagamaan dan keduniaan.

Sistem pemerintahan Islam juga mengharuskan penubuhan kabinet (kementerian) yang membantu ketua negara dalam menjalankan tugas. Hal

⁴⁸ Abū Ḥassan ‘Alī Muḥammad al-Mawardī, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah* (Kaherah: Matba‘ah al-Bābī al-Ḥalabī, 1966), 67.

ini telah dibayangkan dalam al-Quran yang menerangkan permintaan Musa kepada Allah SWT yang meminta supaya dilantik Nabi Harun a.s menjadi *wazīr*nya: Firman Allah SWT:

وَأَجْعَلْ لِي وَزِيرًا مِّنْ أَهْلِي ﴿٢٩﴾ هَارُونَ أَخِي ﴿٣٠﴾ أَشَدُّدٌ بِهِ أَزْرِي ﴿٣١﴾ وَأَشْرِكُهُ فِي
أَمْرِي ﴿٣٢﴾

“Dan jadikanlah bagiku, seorang penyokong dari keluargaku. Iaitu Harun saudaraku; Kuatkanlah dengan sokongannya, pendirianku, dan jadikanlah Dia turut campur bertanggungjawab dalam urusanku”

(Surah Ṭaha, 20: 29-32)

Meskipun di dalam al-Quran perkataan *wazīr* telah digunakan namun sebagai jawatan rasmi dalam pentadbiran sama ada di zaman Nabi atau Khulafa’ al-Rasyidin mahupun zaman Bani ‘Umaiyyah, istilah *wazīr* itu belum dipakai secara meluas. Cuma yang dikenali sewaktu itu khususnya pada masa Saidina ‘Umar al-Khaṭṭab sehingga Dinasti ‘Umaiyyah ialah *katīb* yang bererti setiausaha. Manakala pada zaman ‘Abbasiyyah, istilah *wazīr* tersebut diguna pakai dengan dikenali sebagai *Wazīr Tafwīd* dan *Wazīr Tanfīdh*. Al-Mawardī⁴⁹ menukilkan “Apa yang diserahkan kepada *Imām* (pemerintah) dalam mentadbirkan *ummah* (rakyat) tidak dapat dilakukan semuanya kecuali dengan pembantunya”. Yang dimaksudkan pembantunya di sini ialah *wazīr*.

Demikian juga *Ibn Khaldūn*⁵⁰ mengungkapkan: “Sultan sendiri adalah seorang yang lemah yang memikul tugas berat. Oleh itu, perlu dibantu oleh tentera-tentera bangsanya. Jika dia perlukan bantuan dalam setiap hari, maka tentulah ia sentiasa memerlukan bantuan dalam mengendalikannya”. Daripada pembantu-pembantu tersebut maka terbentuklah badan eksekutif. *Al-Mawardī* telah membahagikan *wizārah* atau kementerian kepada dua jenis iaitu:

- i. *Wizārah al-Tafwīd* yang bermaksud kementerian atau menteri yang berkuasa penuh. Dalam keadaan yang diperlukan beliau layak menggantikan Ketua Negara dan bertanggungjawab terhadap semua urusan pentadbiran.
- ii. *Wizārah al-Tanfīdh* atau Kementerian Eksekutif yang mana tugasnya ialah melaksanakan segala arahan ketua negara.

⁴⁹ Abū Ḥassan ‘Alī Muḥammad al-Mawardī, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*, 62.

⁵⁰ Ibn Khaldūn, *Muqaddimah* (Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, t.t.), 182.

Dalam hal ini, *Ibn Khaldūn* merumuskan: “Di antara hal-hal yang telah dicapai oleh ilmu Fiqh Islam ialah membahagikan *wizārah* kepada dua iaitu *wizārah tafwīd* dan *wizārah tanfīdh* yang mempunyai keistimewaan tersendiri”.⁵¹ Memandangkan kedua-dua institusi ini berperanan membantu ketua negara menjalankan pemerintahan, maka ia boleh dianggap sebagai badan eksekutif bagi negara Islam. Oleh kerana al-Quran tidak memberikan satu bentuk yang khusus bagi susunan pentadbiran ini, maka Islam tidak menghalang apa sahaja bentuk yang difikirkan sesuai, asalkan badan tersebut dapat berfungsi dengan baik serta dapat menjamin kesejahteraan ummah dan kebebasan asasi mereka serta dapat pula menikmati hak-hak kemanusiaan berasaskan prinsip keadilan dan persamaan yang dikehendaki oleh Islam.⁵² Oleh kerana kedua-dua kementerian ini bertugas membantu Ketua Negara menjalankan tugas pemerintahan, maka ia bolehlah dianggap sebagai badan eksekutif bagi sesebuah negara Islam.

Badan Kehakiman Islam

Dari segi pengertian, istilah kehakiman yang dipakai adalah sinonim dengan istilah bahasa Arab al-Qaḍā'. Buku-buku mengenai al-Qaḍā' dalam Islam menghuraikan perkataan qaḍā, daripada *qaḍā-yaqḍī-qaḍā'an* memberi pelbagai erti sepertimana yang dijelaskan dalam beberapa ayat di antaranya membawa erti telah mengerjakan,⁵³ telah selesai,⁵⁴ telah perintahkan⁵⁵ dan menghukum.⁵⁶

Ulama' *fiqh* pula memberi beberapa huraian di antaranya mengikut Ibn al-Human, *qaḍā'* ialah hukum yang mengikat.⁵⁷ Mengikut Sharbīnī al-Khāṭib ialah menyelesaikan pertikaian antara dua pihak atau lebih mengikut hukum Syarak.⁵⁸ Pada umumnya ulama' bersetuju bahawa *al-Qaḍā'* atau kehakiman adalah penyelesaian pertikaian di antara pihak-pihak dengan hukuman yang mengikat. Perkataan lain yang ada kaitan dengan kehakiman iaitu *ḥakama*, *yaḥkumu*, *ḥukman* di mana dalam bahasa Melayu dipanggil hukum.

⁵¹ Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, 198.

⁵² Lukman Thaib, *Politik Menurut Perspektif Islam* (Kajang: Synergymate Sdn Bhd, 1998), 43.

⁵³ Surah al-Baqarah 2: 200.

⁵⁴ Surah al-Ahzab 33: 31.

⁵⁵ Surah al-Isrā 17: 23.

⁵⁶ Surah Yūnus 10: 93.

⁵⁷ Ibn Human, *Syarḥ Faṭḥ al-Qaḍīr* (Bulaq: Maṭba'at al-Kubrā al-'Amiriyah, t.t.) 453.

⁵⁸ Ibn Human, *Syarḥ Faṭḥ al-Qaḍīr*, 453.

Mengikut al-Zuhrī perkataan *ḥukm* dan *qaḍā* adalah sinonim. Dalam hubungan ini hakim dan *qāḍī* adalah orang yang sama.⁵⁹ Oleh itu badan kehakiman Islam ialah sebuah badan yang bertugas menyelesaikan pertikaian mengikut hukum syarak. Ia merupakan badan yang amat penting bagi memastikan keadilan wujud dalam masyarakat. Hak-hak manusia akan terabai dan dicabuli jika tiada tempat untuk menyelesaikan pertikaian.

Di dalam al-Quran ada diperkatakan dengan jelas berhubung dengan kehakiman. Dimulakan penceritaan dengan sejarah Bani Israel, diikuti dengan orang-orang Kristian dan di akhiri dengan orang-orang Islam. Allah telah menurunkan Taurat kepada Musa a.s dan sesudah itu semua para Rasul Bani Israel dan pendeta Yahudi mengikutnya sebagai undang-undang (*the code of laws*) di dalam menyelesaikan semua urusan mereka.⁶⁰ Kemudian diutuskan pula Isa a.s dengan wahyu yang baru. Pengikutnya juga diperintahkan supaya memutuskan setiap urusan mereka mengikut wahyu itu. Sesudah itu diutus Nabi Muhammad S.A.W diikuti dengan firman Allah:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بِيَدِهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيْمِنًا
عَلَيْهِ فَاحْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ
مِنَ الْحَقِّ لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شُرْعَةً وَمِنْهَا جَا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ
أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ
مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤٨﴾

“Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi

⁵⁹ Abdul Monir Yaacob, *Sistem Kehakiman Islam* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2001), 2.

⁶⁰ Abdul Monir Yaacob, *Sistem Kehakiman Islam*, 2.

ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.”

(Surah al-Mā'idah, 5: 48)

Dalam ayat ini, Allah memerintahkan kepada Nabi Muhammad dan umat Islam keseluruhannya supaya melaksanakan sesuatu hukuman itu berdasarkan hukum yang diturunkan oleh Allah SWT melalui Kitab Suci al-Quran. Allah melarang Rasulullah SAW daripada mengikut kehendak hawa nafsu orang-orang kafir semasa menentukan sesuatu hukuman. Oleh itu menjadi kewajipan kepada seluruh umat Islam setiap masa untuk melaksanakan syariah Islam yang diwahyukan oleh Allah dalam pengamalan Badan Kehakiman mereka.

Kebebasan Badan Kehakiman Islam

Dalam pemerintahan Islam, kebebasan kehakiman amat dititikberatkan dan dipandang serius. Badan eksekutif tidak perlu campur tangan dalam urusan kehakiman dengan tujuan tertentu yang dapat menyebabkan hukuman yang bakal dijatuhkan tersasar dari hukum syarak. Hakim bebas bertindak dalam penghakimannya. Dalam hal ini, Islam menyeru agar menghukum dengan adil⁶¹ sepertimana firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”.

(Surah al-Nisa', 4: 58)

Ayat ini jelas mengingatkan manusia agar membuat keputusan dengan adil tanpa dipengaruhi mana-mana pihak yang menyebabkan berlaku kezaliman pada pihak yang lain. Di zaman pemerintahan Islam, para hakim bebas

⁶¹ Abdul Karīm Zaydan, *Hakim, Sistem Kehakiman Islam* (terj. Mohd Saleh Haji Ahmad; Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1993), vol. 1, 70.

berijtihad untuk mentafsirkan undang-undang berdasarkan kaedah-kehad perundangan Islam sekali gus mengiktiraf keupayaan para hakim membuat keputusan berdasarkan ijtihad. Islam telah meletakkan asas yang jelas dalam membicarakan soal kebebasan kehakiman ini. Tugas kehakiman dalam Islam dapat dilihat dengan lebih jelas melalui surat khalifah ‘Umar kepada hakim-hakim yang dilantik.⁶² Antaranya surat Khalifah kepada hakim Abū Mūsā al-Ash‘arī. Antara lain menyatakan:

Perbicaraan hendaklah dijalankan berdasarkan kepada al-Quran dan sunnah. Yang pertama hendaklah memahami apakah yang dikemukakan kepadamu sebelum apa-apa keputusan dibuat. Layanan yang sama rata yang sepenuhnya kepada semua pihak yang membuat guaman di hadapanmu dan dalam cara kamu memandang mereka juga dalam hukuman yang kamu jatuhkan. Dengan cara itu seseorang yang berpangkat tinggi tidak berpeluang menaruh harapan kepadamu untuk menjadi seorang yang tidak adil dan seorang yang lemah pula tidak hilang kepercayaan kepada keadilanmu. Tugas untuk membuktikan adalah menjadi tanggungjawab pihak yang menuntut dan sumpah dikenakan atas pihak yang ingkar. Perdamaian merupakan hak kedua-dua pihak yang membuat guaman kecuali yang dibenarkan oleh Islam. Fahaman yang jelas kepada setiap kes yang dibawa ke hadapanmu dalam perkara yang tidak ada nas dari al-Quran dan sunnah. Tugas kamu ialah menggunakan kaedah qias atau perbandingan bagi tujuan memisahkan di antara perkara...⁶³

Kata-kata Khalifah ‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb telah meletakkan asas-asas penting dalam pentadbiran kehakiman Islam bahkan ia adalah merupakan etika pada sistem kehakiman Islam kerana ia mengandungi peraturan dan tatacara bagi mahkamah dan etika bagi hakim. Ini juga meletakkan mahkamah itu terasing daripada badan eksekutif. Dalam hal ini, Islam telah mengenali istilah kebebasan kehakiman dan pengasingan kuasa semenjak kurun ke-7M lagi berbanding dengan masyarakat barat yang mengenalinya bermula pada kurun ke-18M.

Penjelasan di atas membuktikan khalifah ‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb telah memperkenalkan konsep pengasingan kuasa yang mengasingkan kuasa pemerintah (eksekutif) daripada kuasa kehakiman. Ini bererti tugas kehakiman hanya diserahkan kepada para hakim sahaja. Hakim-hakim adalah bebas dalam menjalankan tugas mereka tanpa campur tangan pihak-pihak lain. Tujuan ‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb memperkenalkan konsep pengasingan kuasa ini ialah untuk menjamin kemaslahatan sistem kehakiman itu sendiri agar pentadbiran

⁶² Abdul Monir Yaacob, *Sistem Kehakiman Islam*, 16.

⁶³ Abdul Monir Yaacob, *Sistem Kehakiman Islam*, 16.

kehakiman tetap utuh serta terjaga kewibawaannya. Selain daripada itu, ia juga bermaksud untuk menghindari fitnah serta melicinkan pentadbirannya. Kesimpulannya pengasingan kuasa boleh diamalkan, bahkan wajib diamalkan dalam sistem pemerintahan negara Islam apabila ianya dapat menjamin kemaslahatan ummah, menghasilkan kebaikan dan keadilan kepada negara.

Analisis Pengasingan Kuasa Badan Kehakiman Di Malaysia

Doktrin pengasingan kuasa yang diamalkan di Malaysia adalah satu doktrin tentang kerajaan berperlembagaan yang mengesyorkan pengasingan kuasa dan fungsi kerajaan supaya kuasa tersebut tidak tertumpu kepada seseorang individu atau lembaga.⁶⁴ Pengasingan kuasa di antara badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman bertujuan untuk membataskan kuasa setiap cabang sistem pemerintahan bagi menjamin keadilan politik.⁶⁵ Salleh Buang⁶⁶ melihat doktrin pengasingan kuasa di Malaysia sebagai salah satu imbalan kuasa yang diwujudkan oleh Perlembagaan Merdeka di samping memelihara satu sistem '*check and balance*' di antara tiga badan utama kerajaan iaitu badan perundangan (Parlimen), badan eksekutif (Jemaah Menteri dan Perkhidmatan Awam) dan badan kehakiman (Mahkamah). Ketiga-tiga kuasa ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan⁶⁷ di bawah beberapa artikel tertentu iaitu Perkara 39⁶⁸ bagi kuasa eksekutif, Perkara 44⁶⁹ untuk kuasa perundangan dan Perkara 121 (1)⁷⁰ untuk kuasa kehakiman.

⁶⁴ K. Ramanathan, *Asas Sains Politik* (Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti, 1992), 228.

⁶⁵ Syed Ahmad Hussein, *Pengantar Sains Politik* (cet. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 56.

⁶⁶ Salleh Buang, *Dimensi Baharu Masyarakat Malaysia: Makalah Undang-Undang* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 99.

⁶⁷ Mohamed Suffian Hashim, *An Introduction to the Constitution of Malaysia* (cet. 2, Kuala Lumpur: Government Printer, 1976), 97.

⁶⁸ Kuasa eksekutif bagi Persekutuan adalah terletak pada Yang DiPertuan Agong dan tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, kuasa itu boleh dijalankan olehnya atau oleh mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang memberi tugas-tugas pemerintahan kepada orang-orang lain.

⁶⁹ Kuasa perundangan Persekutuan adalah terletak pada Parlimen yang mengandungi Yang DiPertuan Agong dan dua Majlis yang dinamakan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

⁷⁰ Maka hendaklah ada dua Mahkamah Tinggi yang selaras bidang kuasa dan tarafnya iaitu satu di negeri-negeri Tanah Melayu yang dinamakan Mahkamah Tinggi di Malaya dan satu di negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang dinamakan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.

Merujuk kenyataan ini, Abdul Aziz Bari⁷¹ turut menekankan mekanisme *check and balance* kerana Perlembagaan tidak menyebut dengan jelas kedudukan dan kuasa kabinet atau kerajaan yang memerintah. Perlembagaan menyatakan kuasa eksekutif diletakkan di bawah Yang DiPertuan Agong sedangkan pada hakikatnya di tangan kerajaanlah banyak keputusan diletakkan. Apatah lagi pentafsiran tentang kuasa eksekutif oleh para sarjana dan mahkamah sebagai kuasa yang tinggal setelah kuasa perundangan dan kuasa kehakiman diambil menyebabkan secara tidak langsung menjadikan kuasa ini terlalu luas pada praktiknya.⁷²

Doktrin pengasingan kuasa ini menghendaki badan eksekutif mentadbir negara berlandaskan undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen. Jika tindak tanduk badan eksekutif itu bercanggah dengan undang-undang, mahkamah berkuasa mengisytiharkannya sebagai tidak sah. Jika undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen itu pula dianggap *ultra vires* atau melampaui had kuasa yang dibenarkan oleh Perlembagaan negara, mahkamah juga berhak mengisytiharkannya undang-undang tersebut sebagai tidak sah dan terbatal kerana bertentangan dengan perlembagaan.⁷³

Di Malaysia badan kehakiman dan badan perundangan masing-masing mempunyai kebebasan untuk bertindak berlandaskan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Parlimen dan Dewan Negeri tidak dibenarkan untuk mempertikaikan tindakan yang dibuat oleh para hakim di mahkamah. Kelakuan hakim juga tidak boleh dibincangkan dalam mana-mana Majlis Parlimen kecuali dengan suatu usul tetap dan notis mengenainya telah diberi oleh sekurang-kurangnya satu perempat daripada jumlah bilangan ahli majlis itu. Ia juga tidak boleh dibincangkan dalam Dewan Undangan Negeri.⁷⁴

Begitu juga sebaliknya mahkamah tidak mempunyai kuasa menentukan dasar-dasar kerajaan kerana hakim-hakim mahkamah tidak boleh campur tangan dalam hal-hal politik. Hakim-hakim juga tidak boleh dilantik dari kalangan ahli-ahli politik. Tugas hakim hanya mentafsir undang-undang bukan menggubal undang-undang. Badan kehakiman amat penting diasingkan daripada badan politik untuk menghindarkan dari penyalahgunaan kuasa. Kebebasan kehakiman ini juga menjadi garis pemisah yang membezakan

⁷¹ Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 267.

⁷² Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah*, 36.

⁷³ Wu Min Aun, *The Malaysian Legal System* (cet. 2, Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 1999), 56; Simon Barraclough, *A Dictionary of Malaysian Politics* (Singapore: Heinemann Publishers Asia Pte. Ltd., 1988), 36.

⁷⁴ Perkara 127, Perlembagaan Persekutuan.

di antara kerajaan yang bercorak demokrasi dengan kerajaan bercorak totalitarian.⁷⁵ Peranan utama mahkamah ialah menjamin dan memelihara hak rakyat sesebuah negara. Oleh itu mahkamah hendaklah terdiri daripada para hakim yang cekap, bebas fikirannya serta tegas dalam menjatuhkan hukuman. Hal ini secara langsung dapat merumuskan bahawa, ciri terpenting dalam doktrin pengasingan kuasa ialah kebebasan kehakiman⁷⁶ yang juga merupakan salah satu sifat utama dalam Perlembagaan Persekutuan.⁷⁷

Di samping itu, peruntukan-peruntukan asal dalam Perlembagaan sememangnya menjamin kebebasan kehakiman ini⁷⁸ dengan turut memperuntukkan seorang hakim tidak boleh dilucutkan jawatan oleh Yang DiPertuan Agong sebelum mencapai umur bersara iaitu 65 tahun⁷⁹ kecuali jika kelakuannya tidak baik atau tidak berupaya disebabkan kelemahan tubuh badan atau akal fikiran atau apa-apa sebab lain⁸⁰ dengan syor suatu tribunal yang terdiri daripada lima orang hakim,⁸¹ saraan hakim diperuntukkan oleh Akta Parlimen dan saraan tersebut hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan.⁸² Seorang hakim berhak menerima pencen.⁸³

Kebebasan kehakiman menurut Rais Yatim ialah seseorang hakim itu tidak boleh dipengaruhi bagaimana hendak menghasilkan penghakimannya. Beliau hendaklah bebas daripada kawalan ketika memutuskan kes⁸⁴ dan tidak terpengaruh dengan mana-mana fahaman politik dalam menjalankan fungsi kehakiman dengan seadil-adilnya.⁸⁵ Menurut Dr. Rais Yatim, seseorang hakim yang baik dari sudut perundangan moden ialah *impartial* iaitu tidak menyebelahi, tidak kedengaran menyebelahi dan tidak nampak menyebelahi mana-mana pihak. Menyentuh tentang sekatan kehakiman oleh undang-undang hanyalah dalam konteks tidak membenarkan mereka berbuat sesuatu

⁷⁵ Mohd. Aris Osman, *Perkembangan Perlembagaan Malaysia* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1983), 73.

⁷⁶ Abdul Aziz Bari, *Malaysian Constitution: A Critical Introduction* (Kuala Lumpur: The Other Press, 2003), 102.

⁷⁷ Mohamed Suffian Hashim, *An Introduction to the Legal System of Malaysia* (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1988), 10.

⁷⁸ Abdul Aziz Bari, *Malaysian Constitution: A Critical Introduction*, 102.

⁷⁹ Perkara 125 (1), Perlembagaan Persekutuan.

⁸⁰ Perkara 125 (3), Perlembagaan Persekutuan.

⁸¹ Perkara 125 (4), Perlembagaan Persekutuan.

⁸² Perkara 125 (6), Perlembagaan Persekutuan.

⁸³ Perkara 125 (7), Perlembagaan Persekutuan.

⁸⁴ Abdul Aziz Bari, *Malaysian Constitution: A Critical Introduction*, 102.

⁸⁵ Carlton Clymer Rodee, *Introduction to Political Science*, 225.

secara berleluasa tanpa had. Ini termasuk menyalahgunakan kuasa, tidak menyiapkan alasan penghakiman mengikut masa ataupun tidak patuh kepada arahan kehakiman.

Sultan Perak, Sultan Azlan Shah yang juga bekas Ketua Hakim Negara bertitah para hakim harus mengutamakan ketelusan, bertindak secara bebas dan bertanggungjawab di dalam menjalankan tugas demi memelihara keyakinan rakyat terhadap institusi kehakiman. Ini adalah penting kerana kewibawaan institusi kehakiman bergantung kepada kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap proses perundangan. Menurutnya lagi para hakim tidak harus dipengaruhi oleh mana-mana pegawai kerajaan, ahli Parlimen ataupun pegawai daripada mana-mana jabatan kerajaan di dalam membuat keputusan.⁸⁶

Dari segi teorinya, kuasa yang dimiliki oleh badan perundangan, badan pemerintahan dan badan kehakiman tidak harus berlaku pertembungan sekaligus ianya memainkan peranan masing-masing secara tersendiri. Hal ini bertujuan untuk memastikan keneutralan atau objektiviti setiap badan tersebut⁸⁷ agar tidak saling mempengaruhi keputusan dan tindakan yang dilaksanakan oleh badan yang lain.

Berdasarkan penjelasan sebelum ini, peranan badan kehakiman Islam ialah melaksanakan sesuatu hukuman itu berdasarkan hukum yang diturunkan oleh Allah SWT. Allah melarang seluruh umat Islam, termasuk juga badan kehakiman sesebuah negara daripada mengikut kehendak hawa nafsu dengan melaksanakan hukum-hukum yang bercanggah dengan syariah Islam. Oleh itu menjadi kewajipan kepada seluruh umat Islam setiap masa untuk melaksanakan syariah Islam yang diwahyukan oleh Allah dalam pengamalan Badan Kehakiman mereka.

Dalam sistem pemerintahan Islam, kebebasan kehakiman amat dititikberatkan dan dipandang serius. Badan-badan lain tidak dibenarkan untuk campur tangan dalam urusan kehakiman dengan tujuan tertentu yang boleh menimbulkan kezaliman ketika hukuman dijatuhkan, atau tersasar dari hukum syarak. Seseorang hakim Islam bebas bertindak dalam penghakimannya berdasarkan hukum Islam, berbekalkan sifat adil yang ada pada diri mereka. Al-Quran telah mengingatkan para hakim agar membuat keputusan dengan adil tanpa dipengaruhi mana-mana pihak yang boleh menyebabkan berlaku zalim ke atas orang lain.

⁸⁶ Titah baginda ketika merasmikan Persidangan Undang-Undang Malaysia ke-12 di Hotel Nikko pada 10 Disember 2003.

⁸⁷ Nazaruddin Mohd. Jali, Ma'rof Redzuan dan Asnarulkhadi Abu Samah, *Pengajian Malaysia, Kenegaraan dan Kewarganegaraan*, ed. ke-2 (Selangor: Prentice Hall Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd., 2001), 90.

Berdasarkan keterangan berikut, pengasingan kuasa yang berlaku bagi badan kehakiman di Malaysia tidak bercanggah dengan hukum syarak. Bahkan ia selari dengan semangat untuk menegakkan keadilan secara bebas. Ia diharuskan berdasarkan amalan yang telah dilakukan oleh Khalifah ‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb yang telah dihuraikan sebelum ini. ‘Umar berpendapat kebebasan kehakiman ialah dengan cara tugas kehakiman hanya diserahkan kepada para hakim sahaja. Hakim-hakim sepatutnya bebas dalam menjalankan tugas mereka tanpa campur tangan pihak-pihak lain. Tujuan amalan sedemikian amat murni iaitu untuk menjamin kemaslahatan sistem kehakiman itu sendiri agar pentadbiran kehakiman tetap utuh serta terjaga kewibawaannya. Ia juga untuk mengelakkan timbulnya sebarang fitnah serta melicinkan pentadbiran negara. Kesimpulannya, konsep pengasingan kuasa dalam badan kehakiman harus diamalkan di Malaysia. Bahkan ianya wajib diamalkan jika ia perlu untuk menjamin kemaslahatan ummah, menghasilkan kebaikan dan keadilan berasaskan syariat Islam.

Analisis Penggabungan Kuasa Badan Perundangan Dan Badan Eksekutif Di Malaysia

Menurut konsep doktrin pengasingan kuasa yang asal, Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sahaja yang berkuasa membuat undang-undang⁸⁸ manakala badan pemerintahan dan badan kehakiman adalah terkecuali. Walaubagaimanapun dalam amalan hanya sebilangan kecil sahaja undang-undang yang dibuat secara terus oleh ahli badan perundangan. Kebanyakan undang-undang terlebih dahulu disediakan oleh pihak eksekutif untuk keberkesanan dan kecekapan pentadbiran,⁸⁹ kemudian ia diserahkan kepada badan perundangan untuk disahkan menjadi undang-undang. Selain itu mengikut teori doktrin pengasingan kuasa yang asal, keanggotaan setiap daripada badan-badan utama di dalam pemerintahan negara hendaklah terpisah di antara satu sama lain. Ini bermaksud individu yang menganggotai badan eksekutif tidak boleh menganggotai badan perundangan dan begitulah sebaliknya.⁹⁰

Negara Malaysia tidak mengamalkan konsep pemisahan kuasa secara mutlak. Apa yang diamalkan di Malaysia ialah penggabungan kuasa di

⁸⁸ Lukman Thaib, *The Politics and Government of South East Asia* (Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd., 1997), 286.

⁸⁹ John H. Garvey, T. Alexander Aleinikoff, *Modern Constitutional Theory: A Reader* (t.tp., West Publishing Co., 1989), 178.

⁹⁰ Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, *Demokrasi dan Kepimpinan Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2001), 12.

antara badan pemerintahan dan badan perundangan. Sebab itu sebahagian besar ahli eksekutif atau anggota kabinet di Malaysia, pada masa yang sama merupakan ahli legislatif. Seorang menteri kabinet biasanya adalah juga sebagai ahli parlimen sama ada sebagai ahli Dewan Rakyat atau ahli Dewan Negara. Jelas tiada pengasingan kuasa di sini. Pihak yang membuat undang-undang dan pihak yang melaksanakan adalah golongan yang sama. Amalan ini memudahkan pihak pemerintah untuk menguasai badan perundangan dan mengubal undang-undang.

Walau bagaimanapun hubungan di antara badan eksekutif dengan badan perundangan tersebut dipandu oleh Konvensyen Perlembagaan iaitu berhubung dengan konsep tanggungjawab menteri-menteri kepada Parlimen (*The Doctrine of Ministerial Responsibility*) secara individu dan kolektif. Tanggungjawab individu (*individual responsibility*) menuntut menteri bertanggungjawab terhadap Parlimen di atas perjalanan jabatannya.⁹¹ Manakala tanggungjawab secara kolektif (*collective responsibility*) bermaksud semua Jemaah Menteri bersepakat dan bertanggungjawab bersama sebagai satu pasukan terhadap Parlimen.⁹² Jemaah Menteri bertanggungjawab kepada Parlimen.⁹³ Oleh itu, para menteri perlu menjadi ahli salah satu daripada dewan Parlimen supaya mereka dapat menjawab segala pertanyaan tentang kuasa-kuasa yang dijalankan oleh kementerian masing-masing.⁹⁴ Selain itu, setiap ahli Jemaah Menteri bukan sahaja bertanggungjawab bagi keputusan yang dibuat oleh kementeriannya bahkan juga bertanggungjawab bagi keputusan yang melibatkan kementerian lain.

Oleh itu, doktrin pengasingan kuasa didapati tidak diamalkan secara mutlak dan ketat di antara badan perundangan dan badan eksekutif di Malaysia.⁹⁵ Perdana Menteri yang mengetuai badan eksekutif turut menguasai badan perundangan. Secara langsung menjadikan sistem kawal dan imbang ini sangat lemah⁹⁶ walaupun di antara kedua-dua badan ini dan badan kehakiman terdapat

⁹¹ Abdul Aziz Bari, *Cabinet Principles in Malaysia: The Law and Practice* (cet. 2, Kuala Lumpur: The Other Press, 2002), 87.

⁹² Verinder Grover, *Malaysia Government and Politics* (New Delhi: Deep & Deep Publications PVT. LTD, 2000), 91.

⁹³ Perkara 43(3), Perlembagaan Persekutuan.

⁹⁴ Wu Min Aun, *The Malaysian Legal System*, ed. ke-2 (Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 1999), 59.

⁹⁵ M. Puthucheary, 'Tanggungjawab Menteri di Malaysia', dalam Mohamed Suffian et al. (ed.), *Perlembagaan Malaysia, Perkembangannya: 1957-1977* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 43.

⁹⁶ H.P Lee, *Constitutional Conflicts in Contemporary Malaysia* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995), 2.

pemisahan yang sebenarnya. Sebagai contohnya, YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Bin Yatim yang dilantik sebagai Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan merupakan seorang ahli parlimen (ahli Dewan Rakyat) kawasan P.126 Jelebu, Negeri Sembilan. Begitu juga YB Dato' Sri Mustapa Bin Mohamed sebagai seorang Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada masa yang sama terlibat dalam badan perundangan selaku wakil rakyat bagi parlimen kawasan P.30 Jeli, Kelantan.

Jadual di bawah menunjukkan sebahagian dari anggota badan eksekutif atau menteri-menteri kabinet pada tahun 2011 yang turut sama mewakili kawasan Parlimen masing-masing. Mereka terlibat sebagai ahli badan perundangan dan ahli badan eksekutif secara serentak pada satu masa.

| Bil. | Anggota Badan Eksekutif | Nama Menteri/ Perdana Menteri | Kawasan Parlimen yang diwakili dalam Badan Perundangan |
|-------------|--|--|---|
| 1. | Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan | Yab Dato' Sri Hj. Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak | P.85 Pekan, Pahang |
| 2. | Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran | YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Mohd. Yassin | P.143 Pagoh, Johor |
| 3. | Menteri Kewangan (II), | YB Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah | P.63 Tambun, Perak |
| 4. | Menteri di Jabatan Perdana Menteri | YB Dato' Seri Mohamed Nazri Bin Abdul Aziz | P.61 Padang Rengas, Perak |
| 5. | Menteri di Jabatan Perdana Menteri | YB Tan Sri Nor Mohamed Bin Yakcop | P.42 Tasek Gelugur, Pulau Pinang |
| 6. | Menteri Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri | YB Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein | P.153 Sembrong, Johor |

| Bil. | Anggota Badan Eksekutif | Nama Menteri/ Perdana Menteri | Kawasan Parlimen yang diwakili dalam Badan Perundangan |
|-------------|---|--|---|
| 7. | Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi | YB Tan Sri Bernard Giluk Dompok | P.174 Penampang, Sabah |
| 8. | Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan | YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Bin Yatim | P.126 Jelebu, Negeri Sembilan |
| 9. | Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air | YB Dato' Sri Peter Chin Fah Kui | P.219 Miri, Sarawak |
| 10. | Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah | YB Dato' Seri Hj. Mohd Shafie Bin Haji Apdal | P.189 Semporna, Sabah |

Jadual di atas membuktikan bahawa walaupun para menteri tidak menganggotai badan perundangan atas nama Jemaah Menteri, tetapi realiti yang berlaku semua menteri adalah merupakan seorang ahli Parlimen secara peribadi. Oleh kerana Jemaah Menteri adalah terdiri dari ahli-ahli parlimen, maka mereka sentiasa bertindak mempertahankan segala keputusan yang telah dibuat di Parlimen. Biasanya Jemaah Menteri itu dilantik dari kalangan anggota parti yang sama atau anggota dalam gabungan parti yang sama. Oleh itu Jemaah Menteri di Malaysia dan sebahagian dari ahli-ahli Parlimen yang ada merupakan orang yang sama atau anggota parti yang sama. Mereka telah bertindak untuk sokong menyokong di antara satu sama lain dalam aspek pemerintahan. Ahli-ahli parti pembangkang biasanya tidak diberi peluang menganggotai Jemaah Menteri. Dengan ini dapatlah disimpulkan bahawa konsep pemisahan kuasa di antara badan perundangan dan badan pemerintahan sebenarnya tidak berlaku di Malaysia. Seseorang PM dan juga menteri-menteri lain yang menganggotai Jemaah Menteri masih lagi terlibat secara langsung sebagai anggota badan perundangan sama ada sebagai ahli Dewan Rakyat atau ahli Dewan Negara dan bergiat cergas di Parlimen.⁹⁷

Namun demikian perlembagaan Persekutuan secara tegas tidak membenarkan mana-mana ahli eksekutif atau penjawat awam terlibat sebagai seorang ahli politik. Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan

⁹⁷ Bharudin Che Pa, *Badan Perundangan Kerajaan Islam di Malaysia*, 141.

ketetapan seseorang ahli eksekutif yang terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan tidak dibenar melibatkan diri sebagai seorang ahli legislatif atau anggota badan perundangan. Perlembagaan menegaskan; “Seseorang yang memegang jawatan berpendapatan atau bergaji sepenuh masa dalam mana-mana perkhidmatan awam tidak layak menjadi anggota parlimen”.⁹⁸ Ini termasuk juga jawatan seorang hakim di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Begitu juga jika beliau memegang jawatan-jawatan lain seperti Juru Audit Negara, ahli suruhanjaya pilihanraya, ahli suruhanjaya Perkhidmatan Persekutuan atau negeri dan mana-mana jawatan yang ditetapkan oleh undang-undang Persekutuan sebagai jawatan yang bergaji atau berfaedah. Tujuan utama peraturan ini ditetapkan ialah bagi memisahkan golongan penjawat awam dengan golongan ahli politik. Kedua-dua golongan itu dianggap mempunyai kelainan dari segi tugasnya, golongan yang memegang jawatan memberikan taat setia kepada pihak pemerintah sebaliknya ahli politik (anggota parlimen) menjaga kepentingan rakyat yang menjadi tanggungjawabnya. Prinsip ini kekal dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa orang yang memegang jawatan yang bergaji iaitu penjawat awam sepenuh masa dalam kerajaan, seperti hakim, pegawai tentera dan sebagainya tidak layak menjadi anggota parlimen. Dia perlu meletakkan jawatan dahulu jika dia ingin menjadi anggota parlimen.

Jika ditinjau dari aspek sejarah, didapati pada zaman awal Islam konsep pengasingan kuasa memang tidak berlaku sebagaimana yang diamalkan di kebanyakan negara pada hari ini. Kuasa perundangan, pemerintahan dan kuasa kehakiman dipelopori oleh baginda Rasulullah SAW selaku nabi dan utusan Allah SWT. Baginda sebagai seorang rasul dan ketua negara, memimpin negara Islam bersumberkan wahyu yang diturunkan. Secara keseluruhannya segala kekuasaan adalah berpusat kepada Rasulullah SAW sebagai seorang nabi dan ketua negara. Namun demikian selepas persempadanan negara Islam semakin meluas tanggungjawab politik dan pemerintahan semakin bertambah. Atas dasar kemaslahatan pentadbiran serta meringankan tugas dan tanggungjawab maka para pemimpin telah membahagi-bahagikan kuasa mengikut kesesuaian semasa.

Oleh itu penggabungan antara kuasa perundangan dan kuasa eksekutif sememangnya berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW dan Abū Bakar a-Siddīq. Muḥammad Asad⁹⁹ berpendapat hubungan badan perundangan dengan badan eksekutif amat rapat pada ketika itu kerana kedua-dua kuasa itu diterajui oleh khalifah. Pertembungan di antara kuasa eksekutif dan legislatif tidak timbul kerana sistem pemerintahan Islam berjalan berasaskan

⁹⁸ Perkara 48, (1) (c) Perlembagaan Persekutuan.

⁹⁹ Muḥammad Asad, *Minhāj al-Islām ī al-Ḥukm* (cet. 3, Beirut: Dār al-‘Ilm Li al-Malāyin, 1967), 21.

sistem syura. Buktinya nabi sendiri pernah meminta pandangan para Sahabat dalam beberapa tindakan politik, dan baginda bersetuju dengan pandangan berkenaan. Amalan syura yang dilakukan oleh Rasulullah dan para sahabat melambangkan terdapat keluasan dalam ijtihad sehingga perkara-perkara yang difahami sebagai bukan arahan wahyu boleh diputuskan secara kolektif sesama umat Islam. Amalan permesyuaratan ini juga boleh dilihat dari sudut kerjasama yang berlaku antara badan legislatif dan badan eksekutif dalam melaksanakan tugas pemerintahan negara. Ini menggambarkan ketertinggian syariah dan sekaligus mencerminkan penggabungan kuasa dalam sistem politik Islam adalah diharuskan. Bahkan tiada teori yang rigid tentang pengasingan kuasa atau penggabungan kuasa dalam Islam. Yang ada ialah bentuk kawalan dan keseimbangan kuasa yang bermatlamatkan untuk mencapai kebebasan dan keadilan dalam sistem pemerintahan. Oleh itu amalan penggabungan kuasa di antara kuasa perundangan dan kuasa eksekutif yang berlaku di Malaysia adalah diharuskan. Ia boleh diamalkan selagi mana tidak bercanggah dengan hukum dan syariah Islam. Perkara penting yang perlu diutamakan dalam gabungan tersebut ialah pemerintah dan pegawai-pegawainya mestilah bertanggungjawab terhadap kaedah-kaedah hukum Islam dan prinsip-prinsip amnya yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan sunnah.

Selain itu fungsi Majlis Syura dalam negara Islam perlu diperkasakan sebagai sumber rujukan utama melalui metodologi *istinbāt* dan *istiqrā'* kepada nas-nas al-Quran dan sunnah serta hasil ijtihad para ulama terdahulu. Justeru tidak timbul soal penyelewengan kuasa mana-mana golongan akibat penggabungan kuasa. Sebaliknya kesepakatan dan persetujuan bersama boleh dicapai hasil rundingan dalam majlis syura. Berdasarkan hal ini, dapat difahami bahawa konsep dan mekanisme syura boleh dikembangkan dan disesuaikan dengan perubahan masa. Prinsip dalam *siyāsah shar'īyyah* hendaklah sentiasa diguna pakai supaya sistem Islam tidak kelihatan beku dan ketinggalan. Tindakan berkenaan mestilah berpandukan kepada kesuburan prinsip dan kejituan matlamat syariah (*maqāsid shar'īyyah*) yang menitikberatkan kepentingan umum (*maṣlahah 'āmmah*) dan memastikan penegakan keadilan. Semua hukum yang dapat menjamin kepentingan umum dan terdapat di dalamnya unsur-unsur keadilan yang sah adalah syariah Allah yang perlu dipatuhi. Hukum yang bertentangan dengan kedua-dua sumber tersebut sama sekali tidak boleh diterima oleh syariah.

Kesimpulannya, penggabungan kuasa di antara badan perundangan dan badan eksekutif di Malaysia adalah tidak menyalahi hukum syarak selama mana prinsip-prinsip politik Islam dipelihara dan keadaan tersebut terus menepati prinsip-prinsip *siyāsah shar'īyyah*. Sebaliknya jika ianya menyebabkan

berlaku kezaliman, pencabulan ke atas hak orang lain atau penyalahgunaan kuasa dalam kerajaan maka amalan tersebut tidak diharuskan.

PENUTUP

Doktrin pengasingan kuasa yang diperkenalkan oleh para pemikir politik barat tidak bercanggah dengan konsep Islam. Jika diteliti amalan pengasingan kuasa telah pun berlaku dalam sistem pemerintahan di zaman awal Islam. Namun demikian peranan kuasa perundangan, kuasa pemerintahan dan kuasa kehakiman Islam adalah berbeza dengan konsep barat. Menurut perspektif Islam badan-badan tersebut hendaklah berperanan berlandaskan hukum syarak dan ijtihad para ulama, sedangkan mengikut konsep barat kuasa-kuasa tersebut bebas bertindak mengikut ketetapan yang dibuat oleh pihak kerajaan yang memerintah, berasaskan ideologi yang mereka amalkan. Kajian menunjukkan sistem politik di Malaysia tidak mengamalkan konsep pemisahan kuasa secara mutlak. Apa yang diamalkan di Malaysia ialah penggabungan kuasa di antara badan pemerintahan dan badan perundangan. Manakala badan kehakiman wujud secara terpisah dari kedua-dua badan tersebut serta mempunyai kebebasan untuk bertindak berlandaskan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Penggabungan kuasa di antara badan perundangan dan badan eksekutif di Malaysia tidak menyalahi syarak jika ianya bermatlamat untuk menegakkan keadilan dan mencegah berlakunya kezaliman. Begitu juga badan kehakiman di Malaysia harus bertindak secara terpisah dari kuasa-kuasa yang lain. Kaedah tersebut boleh diamalkan selama mana prinsip-prinsip asas politik Islam dipelihara dan tidak terdapat padanya amalan-amalan yang bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Prinsip-prinsip *siyāsah shar‘iyyah* hendaklah terus terpelihara tanpa mengetepikan hak dan tanggungjawab kerajaan serta rakyat. Sebaliknya jika terdapat penyelewengan oleh pihak-pihak tertentu sehingga tiada lagi keadilan dalam masyarakat, sistem tersebut tidak boleh diamalkan lagi. Menurut perspektif Islam hanya dasar yang mengandungi nilai-nilai Islam di samping budaya kepimpinan yang berakhlak dan bermaruah sahaja patut diamalkan.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah Aw Nizām al-Dawlah al-Islāmiyyah Fī al-Syu‘ūn al-Dustūriyyah Wa al-Khārijiyyah Wa al-Māliyyah* (Beirūt: Mu‘assasah al-Risālah, 1984).
- ‘Abd al-Ghānī Basyūnī ‘Abd Allāh, *Nazariyyah al-Dawlah Fī al-Islām*, (Beirūt: al-Dār al-Jāmi‘ah, 1986).
- ‘Abd al-Ḥamīd Mutawallī, *Mabādi’ Nizām al-Ḥukm Fī al-Islām* (cet. 3,

- Iskandariyyah: Mansya'ah al-Ma'arif, 1975).
- Abdul Monir Yaacob, *Sejarah Perundangan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988).
- A.V Dicey, *An Introduction to the Study of the Law of the Constitution* (cet. 10, London: Macmillan, 1959).
- Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001).
- Abdul Aziz Bari, *Cabinet Principles in Malaysia: The Law and Practice* (cet. 2, Kuala Lumpur: The Other Press, 2002).
- Abdul Aziz Bari, *Malaysian Constitution: A Critical Introduction* (Kuala Lumpur: The Other Press, 2003).
- Abdul Karim Zaydan, *Hakim, Sistem Kehakiman Islam*, terj. Mohd. Saleh Haji Ahmad (Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1993).
- Abdul Monir Yaacob, *Sistem Kehakiman Islam* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2001).
- Abdul Qadir Djaelani, *Sekitar Pemikiran Politik Islam* (Jakarta: Media Da'wah, 1984).
- Abū Ḥassan 'Alī Muḥammad al-Mawardī, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah* (Kaherah: Maṭba'ah al-Bābī al-Ḥalabī, 1966).
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Demokrasi dan Kepimpinan Islam* (Kuala Lumpur Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2001).
- Ainon Mohd. dan Abdullah Hassan, *Kamus Terjemahan Inggeris Melayu* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1996).
- Baron De Montesquieu, Charles de Secondat, *The Spirit of Laws*, Book XI (cet. 2, terj. Thomas Nugent; New York: Colonial Press, 1949).
- Bharudin Che Pa, *Badan Perundangan Kerajaan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Unversiti Malaya, 2005).
- Carlton Clymer Rodee, *Introduction to Political Science* (London: Mc Graw Hill, 1967).
- Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dwibahasa* (cet. 13, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999).
- H.P Lee, *Constitutional Conflicts in Contemporary Malaysia* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995).
- Hassan Hamzah, *Kamus Ensiklopedia* (Selangor: Anzagain Sdn. Bhd., 1997).
- Ibn Humam, *Syarḥ Faṭḥ al-Qadīr* (Bulaq: Maṭba'at al-Kubrā al-Amiriyah, t.t.).
- Ibn Khaldūn, *Muqaddimah* (Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā,

t.t.).

- J.A Corry, *Democratic Government and Politics* (cet. 2, Toronto: University of Toronto Press, 1957).
- J.J.R, *Darihal Perjanjian Sosial* (terj. Puteri Rashidah Megat Ramli; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).
- John H.Garvey, T.Alexander Aleinikoff, *Modern Constitutional Theory: A Reader* (t.tp., West Publishing Co., 1989).
- K. Ramanathan, *Asas Sains Politik* (Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti, 1992).
- Kevin Tan Yew Lee, Yeo Tiong Min, Lee Kiat Seng, *Constitutional Law in Malaysia and Singapore* (Singapore: MLJ Pte. Ltd., 1991).
- Khairiah Salwa Mokhtar dan Mahmud Sabri Haron, *Istilah Pentadbiran Awam dan Politik* (Selangor: Prentice Hall, 2002).
- Kuper, Adam and Jessica, *Ensiklopedi Ilmu-Ilmu Sosial* (cet. 2, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2000).
- Lukman Thaib, *The Politics and Government of South East Asia* (Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd., 1997).
- Lukman Thaib, *Politik Menurut Perspektif Islam* (Kajang: Synergymate Sendirian Berhad, 1998).
- M. Puthucheeary, 'Tanggungjawab Menteri di Malaysia', dalam Mohamed Suffian et al. (eds.), *Perlembagaan Malaysia, Perkembangannya: 1957-1977* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984).
- Maḥmūd Ḥilmī, *Nizām al-Ḥukm al-Islāmī, Muqāranan Bi al-Nuzum al-Mu'āshirah*, (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1973).
- Miriam Budiardjo, *Dasar-Dasar Ilmu Politik* (Jakarta: P.T Gramedia, 1985).
- Mohamed Azam Mohamed Adil, *Perundangan dan Kenegaraan Islam* (Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd., 2006).
- Mohamed Suffian Hashim, *An Introduction to the Constitution of Malaysia*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Government Printer, 1976).
- Mohamed Suffian Hashim, *An Introduction to the Legal System of Malaysia* (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1988).
- Mohd Kāmil Laylah, *al-Nuzūm al-Siyāsīyyah* (Beirūt : Dār al-Nahdhah, 1969).
- Mohd Aris Osman, *Perkembangan Perlembagaan Malaysia* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1983).
- Muhamad Kamlin, *Pengantar Pemikiran Politik Barat* (Selangor: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986).
- Muḥammad Farūq al-Nabhān, *Nizām al-Ḥukm Fī al-Islām* (cet. 2, Beirut:

- Mu'assasah al-Risālah, 1988).
- Muḥammad 'Asad, *Minhāj al-Islām fī al-Ḥukm* (cet. 3, Beirut: Dār al-Ilm Li al-Malayin, 1967).
- Muḥammad Salām Madkūr, *Ma'ālim al-Dawlah al-Islāmiyyah* (Kuwait: Maktabah al-Falāḥ, 1983).
- Muṣṭafā Abū Zayd Fahmī, *al-Nazariyyah al-'Āmmah Li al-Dawlah, Fī al-Dimuqrāṭiyyah al-Gharbiyyah, Wa al-Dimuqrāṭiyyah al-Markisiyyah, Wa al-Islām* (Kaherah: Mansya'at al-Ma'ārif, 1985).
- Nazaruddin Mohd. Jali, Ma'rof Redzuan dan Asnarulkhadi Abu Samah, *Pengajian Malaysia, Kenegaraan dan Kewarganegaraan* (cet. 2, Selangor: Prentice Hall Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd, 2001).
- Salleh Buang, *Dimensi Baharu Masyarakat Malaysia: Makalah Undang-Undang* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997).
- Sibley, Mulford Quickert, *Political Ideas and Ideologies: A History of Political Thought* (New York: Harper and Row, 1997).
- Simon Barraclough, *A Dictionary of Malaysian Politics* (Singapore: Heinemann Publishers Asia Pte. Ltd., 1988).
- Sinha and Dheeraj, *Legal Dictionary* (Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1996).
- Sulaymān Muḥammad al-Tamawi, *al-Sulṭah al-Thalāthah Fī al-Dasātīr al-'Arabiyyah al-Mu'āṣirah Wa Fī al-Fikr al-Siyāsī al-Islāmī, Dirāsah Muqāranah* (Kaherah: Maṭba'at al-Jāmi'ah 'Ayn Syams, 1986).
- Syed Ahmad Hussein, *Pengantar Sains Politik* (cet. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).
- T.M Hasbi Shiddieqy, *Pengantar Hukum Islam* (cet. 5, Jakarta: Bulan Bintang, 1975).
- Uthman Khalil Uthman, *Al-Qanūn al-Dustūri* (Kaherah: Dār al-Fikr al-Arabi, 1951).
- Verinder Grover, *Malaysia Government and Politics* (New Delhi: Deep & Deep Publications PVT. LTD., 2000).
- Wirjono Prodjodikoro S. H, *Asas-Asas Ilmu Negara dan Politik* (Jakarta: P.T Eresco, 1971).
- Wu Min Aun, *The Malaysian Legal System* (cet. 2, Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 1999).
- Z.A Ahmad, *Membentuk Negara Islam* (Djakarta: Widjaya, 1956).
- Zāfir Al-Qāsimī, *Nizām al-Ḥukm Fī al-Syarī'ah Wa al-Tārīkh* (Beirut: Dār al-

Jurnal Syariah, Jil. 22, Bil. 1 (2014) 21-56

Nafā'is, 1974).

Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1995).